



IKLAN JAWATAN KOSONG MAJLIS DAERAH KUALA KRAI

1. a) Jawatan : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29 (Sambilan)
b) Kementerian/Jabatan : Majlis Daerah Kuala Krai
c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
d) Klasifikasi Perkhidmatan : Sistem Maklumat
2. Gaji yang ditawarkan adalah sebanyak **RM 75.91** sehari dan elaun-elaun kerana menjalankan tugas rasmi mengikut kadar yang ditetapkan dari masa ke semasa, termasuk elaun lebih masa jika berbangkit.
3. Syarat Lantikan Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a. Warganegara Malaysia;
 - b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - i) Diploma dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
 - ii) Diploma dalam bidang Kejuruteraan Elektronik (Komputer) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi-institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
4. Taraf Jawatan : **SAMBILAN BERGAJI HARI**
5. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat **SIJIL PELAJARAN MALAYSIA** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
6. **Deskripsi Tugas :**
 - a. Bertanggungjawab membangun program baru untuk sesuatu sistem gunaan komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.
 - b. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.
7. **CARA MEMOHON**
 - a. Pemohon hendaklah menghantar **SURAT PERMOHONAN** dan **RESUME** kepada Majlis Daerah Kuala Krai.
 - b. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan, sijil kelahiran, kad pengenalan (depan dan belakang) yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
 - c. Permohonan yang tidak lengkap atau tidak terang, tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan, tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat dan tidak ditandatangani akan ditolak.

1. a) Jawatan : Pekerja Awam R1 (Sambilan)
b) Kementerian/Jabatan : Majlis Daerah Kuala Krai
c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kemahiran
2. Gaji yang ditawarkan adalah sebanyak **RM 36.39** sehari dan elaun-elaun kerana menjalankan tugas rasmi mengikut kadar yang ditetapkan dari masa ke semasa, termasuk elaun lebih masa jika berbangkit.
3. Syarat Lantikan Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a. Warganegara Malaysia;
 - b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c. Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang Diiktiraf setaraf oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : **SAMBILAN BERGAJI HARI**

5. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat **PENILAIAN MENENGAH RENDAH** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

6. **Deskripsi Tugas :**

- a. Menjalankan tugas-tugas am bersifat hand-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
- b. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

7. **CARA MEMOHON**

- a. Pemohon hendaklah menghantar **SURAT PERMOHONAN** kepada Majlis Daerah Kuala Krai.
- b. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan, sijil kelahiran, kad pengenalan (depan dan belakang) yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
- c. Permohonan yang tidak lengkap atau tidak terang, tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan, tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan, tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai sedang berkhidmat dan tidak ditandatangani akan ditolak.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP

Permohonan hendaklah sampai kepada :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KUALA KRAI
JKR 60, JALAN SULTAN YAHYA PETRA
18000 KUALA KRAI, KELANTAN.**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 15 APRIL 2018